

MAS meterai MoU beli 20 pesawat RM1.2 bilion

BH: 26/6/2007

PM yakin pembelian tingkat hubungan ekonomi KL, Rome

Mahfar Ali
Rome, Itali

PENERBANGAN Malaysia (MAS) semalam memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi pembelian 20 pesawat ATR 72-500 dari Itali berharga lebih AS\$360 juta (RM1.2 bilion) yang disifatkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai satu lagi loncatan ke arah meningkatkan hubungan ekonomi kedua-dua negara.


Majlis menandatangani MoU antara MAS dan Avion de Transport Regional (ATR) itu disaksikan Perdana Menteri serta rakan sejawatnya, Romano Prodi, selepas kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan dua hala di Villa Madama, di sini, sempena lawatan rasmi tiga hari Abdullah ke Itali.

Terdahulu, Perdana Menteri dan Prodi turut menyaksikan majlis menandatangani deklarasi bersama kerajaan kedua-dua negara berhubung kerjasama ekonomi.

Deklarasi bersama itu ditandatangani Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa Itali, Emma Bonino, manakala MoU bagi pembelian pesawat berkenaan ditandatangani Pengarah Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Kewangan MAS, Tengku Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz dan Pengerusi ATR, Filippo Bagnato.

Pada sidang media selepas itu, Abdullah berkata, deklarasi bersama itu serta satu lagi berkaitan kerjasama pertanian ditandatangani hari ini, sudah tentu akan memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Beliau berkata, Malaysia dan Itali terus bekerja rapat untuk menggalakkan lagi hubungan baik kedua-dua negara yang sedia terjalin me-



PERKUKUH HUBUNGAN: Prodi berbincang sesuatu dengan Abdullah selepas memeriksa barisan kehormat di Rome, semalam.

rangkumi pelbagai bidang seperti perdagangan, kerjasama pertahanan, pertanian dan bioteknologi.

"Saya gembira perbincangan dengan Prodi sangat membina dan berhasil," katanya yang sebelum itu diberi sambutan permaidani merah dan memeriksa barisan pengawal kehormat.

Abdullah tiba di sini kelmarin bersama isterinya, Datin Seri Jeanne Abdullah, mengetuai delegasi lebih 200 orang, termasuk Menteri Kabinet, Menteri Besar, timbalan menteri, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta ahli perniagaan.

Ini lawatan rasmi pertama Perdana Menteri Malaysia ke Itali selepas 25 tahun.

Perdana Menteri berkata, lawatan-

nya menggambarkan mengenai pentingnya Kuala Lumpur merapatkan hubungan dengan Itali yang dianggap sebagai rakan dagang penting dan sahabat Malaysia.

"Saya berharap dapat menyaksikan lebih banyak kerjasama dalam pelbagai bidang selepas ini," katanya sambil menyuarakan kegembiraannya berhubung peningkatan dagangan kedua-dua negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Tahun lalu, jumlah dagangan Malaysia dengan Itali mencecah AS\$2.13 bilion (RM7.2 bilion) meningkat sembilan peratus berbanding AS\$1.9 bilion (RM6.4 bilion) pada 2005.

Selepas sidang akhbar bersama, Abdullah diraikan Prodi pada majlis jamuan tengah hari. Perdana Men-

teri kemudian melawat pusat penyelidikan bio teknologi ENEA di Casaccia Research Centre, Blue House, Via Anguillarese, di sini.

Sementara itu, Tengku Azmil berkata, pesawat berkenaan dibeli untuk kegunaan Firefly - syarikat penerbangan tambang murah MAS, yang mengembangkan perkhidmatannya menerusi Subang, Johor Bahru dan Kota Kinabalu.

Setakat ini, lebih 900 pesawat 70 tempat duduk itu dijual ATR di seluruh dunia dan Malaysia menjadi negara pertama menggunakannya apabila MAS menerima penghantaran pertama sebanyak dua atau tiga ATR72-500 Oktober tahun depan. Pesawat itu berharga AS\$18.3 juta (RM62.2 juta) seunit.